

KUALA TERENGGANU: Jumlah mangsa banjir di negeri ini terus meningkat kepada 18,578 mangsa membabitkan 4,353 keluarga berbanding hanya 14,885 mangsa daripada 3,523 keluarga kelmarin walaupun keadaan cuaca baik di beberapa daerah di negeri ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Terengganu berkata, sehingga jam 6 petang semalam, semua mangsa kini ditempatkan di 63 pusat pemindahan di lima daerah iaitu Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu dan Marang berbanding 74 pusat pemindahan kelmarin.

Katanya, Kemaman masih mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 12,150 mangsa membabitkan 2,813 keluarga yang ditempatkan di 21 pusat pemindahan berbanding hanya 9,601 mangsa daripada 2,214 keluarga.

"Di Dungun, jumlah mangsa banjir turut menunjukkan peningkatan apabila mencatatkan jumlah 5,319 mangsa membabitkan 1,283 keluarga yang ditempatkan di 33 pusat pemindahan berbanding hanya 4,026 mangsa (1,017 keluarga) di 37 pusat pemindahan.

"Bagaimanapun, jumlah mangsa di Kuala Terengganu menunjukkan peningkatan ketara apabila meningkat kepada 1,002 mangsa berbanding hanya 953 mangsa manakala Marang mencatatkan jumlah mangsa terendah iaitu 24 mangsa daripada tujuh keluarga.

"Selain itu, empat pusat pemindahan iaitu masing-masing tiga di Setiu dan satu di Besut ditutup sepenuhnya selepas semua mangsa dibenarkan pulang pagi tadi (semalam).

"Kebanyakan mangsa masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara menunggu banjir di kawasan rumah mereka benar-benar pulih. Walaupun cuaca beransur baik, banjir mengambill masa untuk surut memandangkan ia bertembung dengan air pasang," katanya, semalam.

Dalam pada itu, laluan Tepoh-Kuala Jengai (Al-Mu-

Banjir lambat surut

Bilangan mangsa di Terengganu meningkat kepada 18,578 meskipun cuaca bertambah baik

FOTO | Sairien Nafis, Yusmaizi Karim, Rozainah Zakaria



ROSAK...guru dan kakitangan sekolah mengangkat kerusi dan meja yang ditenggelami banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Chukai, Kemaman.



MAIN AIR...Mohd Yami Mohd Nor (tengah) meluangkan masa bermain jetski bersama dua anaknya di Kampung Beris Tok Ku, Setiu.

Banjir di Terengganu

Statistik pemindahan mangsa banjir di Terengganu sehingga jam 6 petang semalam

Daerah	Bilangan Mangsa	Bilangan Keluarga	Pusat Pemindahan
1 Dungun	5,319	1,283	33
2 Hulu Terengganu	83	17	2
3 Kemaman	12,150	2,813	21
4 Kuala Terengganu	1,002	233	6
5 Marang	24	7	1
JUMLAH	18,578	4,353	63

katafi Billah Shah) di Kilometer 8, Dungun ditutup pada semua kenderaan berikutan jalan dinaiki air.

Sementara itu, laman web Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan nasihat hujan lebat peringkat kuning iaitu hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana

yang dijangka berlaku di Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman.

Keadaan ini dijangka berlaku selama dua hari bermula Ahad ini yang boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.



HARUNG...pelajar Pondok Al-Mustaqim meredah banjir di Masjid Kampung Pasir Minal, Kemaman untuk menunaikan solat Jumaat.

BERSELERA...anggota tentera menjamu selera di tepi jalan yang dinaiki air di Jalan Terkukur Bukit Mentok, Kemaman.

